



MAIPs

GARIS PANDUAN PENGURUSAN MASJID DAN SURAU SELURUH NEGERI PERLIS

(PINDAAN TAHUN 2020)

GARIS PANDUAN KEPADA IMAM

1. Secara umumnya Imam tidak boleh mengadakan apa-apa perbuatan dalam solat yang tidak mempunyai dalil yang jelas daripada al-Quran dan al-Sunnah.
2. Tidak mengkhususkan bacaan qunut pada masa tertentu seperti qunut subuh kecuali qunut nazilah dan witir.
3. Tidak mengadakan wirid secara jamal'e pada masa tertentu seperti selepas solat fardu kecuali untuk tujuan mengajar dalam waktu yang terbatas.
4. Tidak mengadakan bacaan khusus pada waktu yang khusus tanpa dalil dari al-Quran dan al-Sunnah seperti membaca surah Yasin secara beramai-ramai pada malam Jumaat.
5. Tidak mengadakan upacara tahlil kematian.
6. Tidak mengadakan apa-apa upacara yang berkaitan dengan jenazah melainkan berpandukan panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis.
7. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mentarjihkan bacaan Bismillah adalah secara Sir bagi solat yang dibaca Jahn.

GARIS PANDUAN KEPADA KHATIB

1. Hendaklah menyampaikan khutbah Jumaat, Aidilfitri, Aidiladha dan lainnya dengan khutbah yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis.
2. Mengekalkan teks asal khutbah. Sekiranya berlaku kesilapan, pembetulan hanya dilakukan pada kesilapan sahaja.

GARIS PANDUAN KEPADA BILAL

1. Melaungkan azan sebaik sahaja masuk waktu solat pada setiap waktu.
2. Melaungkan azan dua kali untuk solat subuh, iaitu 30 minit sebelum masuk waktu dan sebaik masuk waktu.
3. Tidak membaca dan memperdengarkan sebarang bacaan lain dengan kuat sebelum dan selepas azan.
4. Melakukan iqamah setelah imam bersedia untuk menunaikan solat.

PENGUMUMAN DAN IKLAN DI DALAM MASJID

1. Pengumuman dan iklan yang menzahirkan kepentingan peribadi seperti mencari barang hilang adalah **DILARANG**.
2. Pengumuman dan iklan yang berkaitan perniagaan seperti pakej haji dan umrah, pakej aqiqah adalah **DILARANG**.
3. Pengumuman dan iklan berkaitan perkara ketaatan yang disyariatkan seperti pengumuman solat hari raya, solat jenazah, majlis berbuka puasa dan lain-lain yang berunsurkan keagamaan dan kebajikan umum adalah **DIBENARKAN**.

PENGUMUMAN IKLAN DI PAGAR MASJID

1. Pengumuman dan iklan berunsurkan program-program keagamaan yang disyariatkan seperti pengumuman qiyam Ramadan berjemaah, pengumuman majlis berbuka puasa, kelas kursus haji dan umrah adalah **DIBENARKAN**.
2. Sebarang pengumuman dan iklan bergambar yang tidak bersesuaian adalah **DILARANG**.
3. Pengumuman dan iklan yang dibuat hendaklah tidak menimbulkan perpecahan di antara umat Islam serta mengelirukan sesetengah pihak.
4. Pengumuman dan iklan program yang tidak mendapat kelulusan MAIPs atau Jabatan Mufti Perlis atau Jabatan Agama Islam Perlis adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

GARIS PANDUAN JUMAAT

1. Tidak diedarkan tabung kutipan derma ketika khatib berkhutbah.

GARIS PANDUAN JEMA'AH MASJID

1. Jemaah masjid atau surau adalah mereka yang hadir atau berada di sesuatu kawasan masjid atau surau.
2. Anak jemaah tidak boleh mengadakan amalan di kawasan masjid atau surau yang bertentangan dengan amalan yang telah ditetapkan kepada imam, khatib dan bilal.
3. Anak jemaah tidak boleh mengadakan apa-apa amalan atau aktiviti yang boleh membawa kepada perpecahan atau menyanggah arahan pihak berkuasa agama.
4. Anak jemaah tidak boleh mengadakan apa-apa wirid atau bacaan yang mengganggu jemaah lain.

PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

1. Garis Panduan ini terpakai di semua masjid dan surau di negeri Perlis.
2. Garis Panduan ini terpakai kepada semua umat Islam yang bermastautin di negeri Perlis sama ada yang bertindak sebagai imam ataupun makmum.
3. Pengurusan masjid adalah terikat dengan arahan dan kawalan Majlis dari semasa ke semasa berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006.